

## KENYATAAN TAWARAN TENDER PELUPUSAN ASET

KEW.PA-30

1. Tawaran Tender bernombor **UTeM/TD/LUPUS/001/2019** adalah dipelawa dari syarikat yang berminat dan layak sahaja untuk membeli aset yang dilupuskan oleh UTeM seperti berikut:

BIL	JENIS ASET	KUANTITI
1	MULTIMEDIA LCD PROJECTOR	1
2	INTEGRATED ROSTRUM	4
3	POWER MIXER	1
4	VHF DUAL CH WIRELESS MICROPHONE SYSTEM	1
5	POWER SUPPLY FOR CONFERENCE SYSTEM	1
6	DIGITAL INSULATION TESTER	1
7	MULTIMEDIA LCD PROJECTOR-WORKS	1
8	MESIN ELEKTRIK ROLAND STICKER	1
9	HP COMPAQ WORKSTATION/XW 4600	36
10	SYNTHESIZED SIGNAL GENERATOR	12
11	DIGITAL LOGIC ANALYZER	3
12	WATER TANK TEST TIG - PORTABLE	1
13	DIGITAL HOMOGENIZER/ DAIHAN/HG-15D	1
14	AIR COMPRESSOR	2
15	COMPAQ EVO WORKSTATION	3
16	FOOT SHEARING MACHINE	1
<b>JUMLAH</b>		<b>70</b>

2. Taklimat dan Lawatan Tapak akan diadakan untuk pembida yang ingin melihat fizikal aset tersebut. Berikut adalah maklumat tender ini:

<b>TARIKH PAMER IKLAN</b>	: 31 OKTOBER 2019
<b>TARIKH DAN MASA TAKLIMAT LAWATAN TAPAK</b>	: 7 NOVEMBER 2019 JAM 10:00 pagi
<b>LOKASI TAKLIMAT LAWATAN TAPAK</b>	: Unit Rekod Aset dan Stor, Pejabat Bendahari, Kampus Induk UTeM
<b>TARIKH JUAL TENDER</b>	: 31 OKTOBER 2019 HINGGA 4 DISEMBER 2019
<b>TARIKH TUTUP TENDER</b>	: 5 DISEMBER 2019 jam 12:00 Tengahari

3. Syarikat yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak masih boleh menyertai tender ini
4. Tawaran Tender hanya sah dibuat menggunakan **Borang Tender Pelupusan Aset (KEW.PA-31)**.
5. Naskah Tender ini akan dijual berbentuk cakera padat.dalam tempoh yang telah dinyatakan di atas dan mengikut Jadual Waktu Operasi Kaunter Unit Perolehan Pejabat Bendahari UTeM dibawah.

Hari	Waktu	Tempat
Isnin – Khamis	8:30 pagi - 12:30 tengahari	Kaunter Unit Perolehan Pejabat Bendahari Universiti Teknikal Malaysia Melaka Hang Tuah Jaya 76100 Durian Tunggal Melaka.
	2:30 petang - 4:30 petang	
Jumaat	8:30 pagi - 12:00 tengahari	
	3:00 petang - 4:30 petang	
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum	Tutup	

6. Naskah tender tersebut boleh didapati dengan mengemukakan bayaran secara **KAD DEBIT / KAD KREDIT / WANG POS / KIRIMAN WANG / BANK DERAJ** atas nama **BENDAHARI UTeM**.
7. Semua tawaran diisi dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul berlakri dan ditanda dengan No.Tender pada sebelah kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

**KAUNTER UNIT PEROLEHAN  
 PEJABAT BENDAHARI  
 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
 HANG TUAH JAYA  
 76100 DURIAN TUNGGAL  
 MELAKA.**


8. **SYARAT DAN PERATURAN TENDER**

- 8.1. Tender ini adalah dipelawa kepada syarikat yang berminat dan layak untuk membeli aset yang telah dilupuskan oleh UTeM.
- 8.2. Pihak Berkuasa Melulus, Unit Rekod Aset & Stor, Unit Perolehan dan pihak yang menguruskan pelupusan aset PTj tidak dibenarkan menyertai Tender kerana mungkin wujudnya kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak.
- 8.3. Lawatan Tapak akan diadakan untuk petender yang ingin melihat fizikal aset tersebut pada **7 NOVEMBER 2019** di **Unit Rekod Aset dan Stor, Pejabat Bendahari UTeM**.

## KENYATAAN TAWARAN TENDER PELUPUSAN ASET

KEW.PA-30

- 8.4. Petender adalah dikehendaki menyertakan deposit sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset. Deposit tersebut hendaklah dalam bentuk kiriman wang/ wang pos/ draf bank berpaling sahaja atas nama Bendahari UTeM dan dikemukakan semasa penghantaran Borang Tender Pelupusan Aset (KEW.PA-31).
- 8.5. Tawaran tanpa/ kurang deposit tidak akan dipertimbangkan.
- 8.6. Sekiranya petender yang berjaya menolak tawaran, deposit tender tidak akan dikembalikan.
- 8.7. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat.
- 8.8. Universiti tidak bertanggungjawab ke atas aset yang dijual.
- 8.9. Keseluruhan aset perlu diangkut dan semua perbelanjaan berkaitan seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut, dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh petender yang berjaya.
- 8.10. Pemilihan petender yang berjaya adalah tertakluk kepada harga tawaran yang tertinggi bagi setiap aset.
- 8.11. Petender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 7 hari dari tarikh keputusan dimaklumkan.
- 8.12. Petender yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
- 8.13. Bagi petender yang tidak berjaya, pemulangan semula deposit akan dilakukan dalam tempoh 14 hari selepas keputusan dimaklumkan dengan membawa keratan atau salinan kiriman wang/ wang pos/ draf bank bagi menuntut semula deposit tersebut.
- 8.14. Iklan tender ini boleh dilayari melalui laman web kami di <http://utem.edu.my/bendahari>. Bagi mendapatkan keterangan lanjut sila hubungi Unit Perolehan di talian 06-270 2011.
- 8.15. Tender ini hanya ditawarkan kepada syarikat yang mempunyai Lesen-Lesen Premis yang ditetapkan (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) di bawah Seksyen 18(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar.
- 8.16. Petender dikehendaki melampirkan salinan sijil pendaftaran dalam bidang membeli barang lusuh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.



.....  
Tandatangan

**KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIM**  
Penolong Bendahari  
Pejabat Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Cap Jawatan